

"Ada kawasan yang bahaya dari segi fenomena kepala air, ada yang bahaya dari segi pusaran di dasar dan bahaya dari segi kecerunan. Maklumat ini akan dimasukkan di dalam papan tanda 'secondary", katanya.

Sementara itu, EXCO Kesejahteraan Bandar, Perumahan Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru negeri, Teo Kok Seong yang merasmikan majlis berkenaan berkata, kawasan rekreasi Air Terjun Ulu Bendul, di Kuala Pilah dikenal pasti kawasan panas di Negeri Sembilan.

Bagaimanapun katanya, kawasan itu tidak terlalu berisiko dan kesedaran orang awam mengenai keselamatan di air amat penting ketika menjalankan sebarang aktiviti di air kerana setiap tahun wujud angka kematian akibat lemas di Negeri Sembilan.

"Menjelang cuti sekolah hujung tahun ini, ibu bapa akan membawa keluarga dan anak-anak untuk bercuti dan beriadah di kawasan air.

"Jadi langkah keselamatan perlu ditingkatkan. Selain melalui pendidikan kesedaran, papan tanda yang sedia ada akan dipertingkatkan fungsinya berdasarkan keperluan dan usaha JBPM membuat penilaian risiko ini amat bertepatan dengan usaha mengurangkan kejadian lemas," katanya.